


DASAR PERPADUAN NEGARA



RANGKA TINDAKAN (BLUEPRINT) PERPADUAN NEGARA 2021-2030

PELAN TINDAKAN PERPADUAN NEGARA (PTPN) 2021-2025

Dasar Perpaduan Negara disokong oleh Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 yang menetapkan visi perpaduan nasional. Manakala, Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2025 menterjemahkan matlamat, objektif dan strategi Dasar Perpaduan Negara dalam bentuk pelaksanaan melalui program dan tindakan yang jelas dan kohesif, mengikut tempoh jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang merentasi agensi Kerajaan, sektor swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat sivil.



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

DASAR PERPADUAN NEGARA

#perpaduan
#suatukebiasaan

@perpaduannegara | PerpaduanNegara | @PerpaduanNegara



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 - 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: +603-8091 8000
Emel: pro@perpaduan.gov.my



ASAS PEMBANGUNAN DASAR PERPADUAN NEGARA

Dasar Perpaduan Negara telah dibangunkan berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN


- Undang-undang tertinggi
- Asas pembentukan negara
- Identiti rakyat Malaysia
- Berlandaskan persetujuan timbal balik / perkongsian kuasa antara pelbagai etnik

RUKUN NEGARA

- Diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 oleh KDYMM SPB Yang Di-Pertuan Agong Ke-4
- Ideologi untuk menyeragamkan fahaman
- Membentuk perpaduan yang kukuh

MENYUSUR JEJAK PERPADUAN

Sebelum ini, elemen perpaduan diterapkan di bawah dasar yang berbeza dan ditangani secara berasingan. Kini, dengan wujudnya Dasar Perpaduan Negara, ia berperanan sebagai dasar payung bagi semua usaha dan komitmen Kerajaan dalam mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional dengan lebih terancang.



KONSEP PERPADUAN

Konsep perpaduan yang ditekankan adalah 'Perpaduan Dalam Kepelbagaian'.

Keamanan dan kestabilan negara yang kini dikecapi adalah kesepaduan sosial (*social cohesion*), iaitu belum mencapai matlamat akhir yang diimpikan iaitu perpaduan.

Integrasi nasional merupakan satu proses dinamik yang merapatkan masyarakat antara negeri dan wilayah bagi membentuk satu bangsa Malaysia yang mempunyai identitinya. Oleh itu, kesepaduan sosial dan usaha integrasi nasional merupakan prasyarat untuk mencapai perpaduan.

PERNYATAAN DASAR

Dasar Perpaduan Negara ialah dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep "Perpaduan dalam Kepelbagaian" untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.

OBJEKTIF DASAR



ISU DAN CABARAN PERPADUAN

Isu dan cabaran perpaduan telah dikategorikan di bawah sepuluh (10) defisit sosial.



PEMBOLEH DAYA PERPADUAN

Terdapat empat (4) pemboleh daya perpaduan yang telah dikenal pasti, iaitu perkara yang turut menyumbang kepada kemakmuran rakyat dan secara tidak langsung, memberi kesan kepada pembentukan rakyat Malaysia yang bersatu padu.

